

DASAR ILMU POLITIK

**disusun oleh
Y. MANSOOR MARICAN**



KANDUNGAN	HALAMAN
PENGANTAR	v
PENDAHULUAN	vii
PENGHARGAAN	ix
1. POLITIK DAN KAEDAH PERBANDINGAN Y. Mansoor Marican	1
2. POLITIK PERBANDINGAN Y. Mansoor Marican	14
3. PERHUBUNGAN ANTARABANGSA Khaw Guat Hoon	24
4. PENTADBIRAN AWAM Jon S.T. Quah	43
5. FALSAFAH POLITIK K. Ramanathan	90
6. PEMIKIRAN POLITIK ISLAM Mohd Kamal Hassan	111
7. POLITIK MALAYSIA Diane K. Mauzy	
8. ANTROPOLOGI POLITIK Zuraina Majid	159
9. PEMASYARAKATAN POLITIK O.K. Huthéesing dan Lim Lin Lee	
10. EKONOMI POLITIK H.G. Mannur	

6

PEMIKIRAN POLITIK ISLAM

Mohd Kamal Hassan

Andaikata Islam ialah agama yang hanya memberi perhatian kepada soal-soal kerohanian sahaja, tentu sekali kita tidak boleh mengharapkan penganut-penganutnya melahirkan pemikiran yang serius tentang konsep-konsep politik Islam. Ke nyataannya ialah bahawa semenjak zaman pemerintahan Nabi Muhammad di Madinah dan Khalifah Rāshidūn sampai ke hari ini, orang Islam terutama pemikir-pemikirnya tidak pernah berhenti membicarakan tentang pemerintahan negara menurut ajaran-ajaran Islam. Sifat agama Islam sebagai satu panduan hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan — moral, rohaniah, ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan, pemerintahan di peringkat individu dan masyarakat — menjadi penggerak kepada semua jenis pemikiran kemasyarakatan dalam sejarah Islam. Perlaksanaan ajaran-ajaran kemasyarakatan, ekonomi dan pemerintahan Islam oleh Nabi Muhammad, sebagai utusan Allah yang terakhir dalam sejarah ker asulan manusia, di Madinah selama sepuluh tahun dengan jelas menunjukkan betapa soal-soal pemerintahan dan tata negara adalah sebahagian yang paling penting daripada ruang lingkup agama Islam yang begitu luas. Ciri agama Islam yang menuntut kesatuan antara “agama” dan “negara”, ibadat dan pemerintahan, kepentingan individu dan kepentingan *ummah* (community) — ringkasnya antara tuntutan dunia ni dan tuntutan ukhrawi — diakui bukan sahaja oleh sarjana-sarjana Islam tetapi juga oleh tokoh-tokoh Barat yang mengkaji Islam seperti H.A. R. Gibb, Louis Gardet, Wilfred C. Smith, von Grunebaum, Kenneth Cragg, Montgomery Watt dan E.I.J. Rosenthal.

Tokoh-tokoh pemikiran politik Islam dari Al-Māwardī (364-450H/991-1031M), melalui Al-Ghazālī (450-501H/1058-

1111M) sampai ke Ayatollah Rohullah Khomeini, menyedari akan betapa perlunya nilai-nilai dan norma-norma Islam menganai pemerintahan dan ketatanegaraan dicatatkan dalam sejarah, kerana hanya dengan demikian kesatuan tadi akan tercapai sebagaimana yang dicontohi oleh Nabi Muhammad dan Khalifah-khalifahnya. Namun jurang antara kenyataan dan tuntutan yang unggul itu sentiasa menjadi masalah kepada pemikir-pemikir politik Islam dari dahulu sampai sekarang. Walau bagaimanapun tuntutan yang unggul itu tetap disanjung tinggi sebagai satu visi yang perlu dipenuhi biar betapa besar pun rintangan-rintangan yang perlu dihadapi. Kekalnya visi yang unggul itu menjadi faktor yang penting dalam penerusan tema pokok pemikiran politik Islam, meskipun tempat dan masa telah mengalami berbagai bentuk perubahan. Tema pokok itu ialah pemerintahan adalah *amānah* daripada Allah yang perlu dilakukan oleh umat Islam untuk mendaulatkan Syari'ah Allah di bumi demi untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat; dan Nabi Muhammad dalam hal ini adalah contoh yang paling baik untuk seluruh manusia.

Intisari Teori Politik Islam Tradisi

Teori politik Islam tradisi, pada dasarnya, ialah pemikiran ahli-ahli (*fuqahā'*) Islam mengenai *Khilāfah* (caliphate) atau *Imamah* (kepimpinan), iaitu pemerintahan yang dijalankan oleh *khalifah-khalifah* (pengganti-pengganti Nabi Muhammad) sebagai *imam-imam* (pemimpin atau ketua) yang memimpin *ummah* Islam sesuai dengan tuntutan-tuntutan *Syari'ah* keseluruhan panduan hidup dan hukum-hukum Allah yang berdasarkan kepada Al-Qur'an dan Sunnah (tradisi warisan Nabi Muhammad).

Kedaulatan yang mutlak dalam teori politik Islam ialah hak Allah sahaja. Khalifah-khalifah memikul *amanah* dari Allah untuk melaksanakan *Syari'ah*, mempertahankan kesucian agama dari sebarang penyelewengan, mempertahankan negara dan *ummah* dari serangan musuh dan menjaga supaya *ummah* dapat betul-betul hidup dengan berpandukan *Syari'ah* untuk mendapat kebahagian di dunia dan di akhirat.

Ummah al-Islam ialah masyarakat baru yang mula-mula

dibentuk oleh Nabi Muhammad atas dasar keimanan kepada Allah yang mengatasi batas-batas ras, kabilah, keluarga dan geografi. Konsep *ummah* sebagai persaudaraan Islam sejagat dan geografi. Konsep *ummah* sebagai persaudaraan Islam sejagat dan Shariah sebagai panduan hidup yang abadi dan universal adalah dua faktor yang menyatukan orang-orang Islam dalam sejarahnya.

Dalam tulisan-tulisan *fuqaha'* mengenai *Khilafah* segala tugas-tugas *khalifah* diperincikan. Beliau ialah pembela agama Allāh, pelaksana keadilan, pemimpin dalam perang dan juga dalam sembahyang. Pegawai-pegawai yang dilantiknya, seperti *wazir* (menteri), *qadi* (kadi) dan *amir* (pemerintah wilayah) biasanya menjalankan tugas-tugas itu atas nama perwakilan (delegation) daripada *khalifah*.

Khilafah, sebagai satu sistem politik yang penting dalam Islam, bukan saja didasarkan kepada pemerintahan para *Khulāfa'* *Rāshidūn* (Abū Bakar, ‘Umar, ‘Uthmān, ‘Alī), tetapi kepada Al-Quran. Ayat 30 dalam Surah Al-Baqarah menunjukkan bahawa ianya berpunca dari Allah dan ayat 26 dalam Sūrah Ṣād menekankan tugasnya sebagai hakim antara manusia. Dalam tradisi Islam, *Khulāfa'* *Rāshidūn* sahaja-lah yang dianggap sebagai Khalifah-Khalifah dalam ertikata yang sebenar. Sesudah mereka *imāmah* atau *Khilafah* yang unggul itu telah diubah menjadi *mulk* (pemerintahan beraja yang mutlak), satu penyelewengan yang amat dikesali oleh pemikir-pemikir politik Islam. Hal ini menyebabkan banyak pemikir Islam pada zaman moden menitikberatkan prinsip pemerintahan yang berdasarkan *Syā’i’ah* dalam mana perkataan *Khilafah* ditukar kepada Negara Islam. Ini menunjukkan bahawa teori politik Islam sampai sekarang telah mengalami beberapa perubahan tertentu, tetapi penekanan asasinya, iaitu pemerintahan Islam untuk menegakkan *Syā’i’ah* Allah, tetap tidak berubah.

Pemikiran Politik Islam Antara Beberapa Golongan

Walaupun pemikiran politik Islam (sebagai teori perlembagaan dan undang-undang perlembagaan) yang membicarakan teori *Khilafah* dan praktiknya ialah pemikiran golongan *fuqahā'*, ini tidak bererti bahawa mereka sahaja yang mem-

berikan perhatian kepada soalan-soalan pemerintahan.

Dalam sejarah pemikiran politik Islam, terdapat penulis-penulis yang menghasilkan karya-karya mengenai selok-belok pentadbiran dan adab-adab dalam pemerintahan untuk menganasati pemerintah-pemerintah tertentu. *Genre* ini mendapat pengaruh yang besar dari tradisi Parsi yang dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *Mirrors for Princes*.

Golongan yang ketiga yang ada kaitan dengan pemikiran politik ialah ahli falsafah (*failasūf*) yang beragama Islam pada zaman pertengahan. Falsafah politik mereka merupakan gabungan antara konsep-konsep falsafah Yunani dan konsep-konsep Islam. Kedua-dua jenis pemikiran ini tidak akan dibincangkan dalam tulisan ini oleh kerana kedua-duanya tidak dapat dianggap sebagai pemikiran Islam sejati yang bertitik-tolak dari Al-Qur'ān dan *Sunnah*.

Dalam kelasnya yang tersendiri ialah pemikiran Ibnu Khaldun (732-808H/1332-1405M), pengasas ilmu kemasyarakatan dan ahli sejarah Islam yang terkenal. Di samping menghormati teori *Khilāfah* yang bersifat tradisi, beliau lebih merupakan sebagai pengkaji sejarah politik dan masyarakat sebagai mana yang wujud dalam kenyataan. Konsep negara dan politik yang berasaskan kekuasaan (*power-state* dan *power-politics*) berbeza dengan negara Islam yang ideal, yang dikajinya ialah satu sumbangan yang amat bernilai dalam sejarah pemikiran politik dan di sinilah letaknya kebesaran Ibnu Khaldun.

Golongan yang kelima ialah pemikir-pemikir masa kini yang banyak menulis mengenai "Negara Islam". Mereka terdiri daripada para *fuqahā'*, intelektual yang berpendidikan Bharat, ahli politik dan pemimpin-pemimpin gerakan religiopolitik Islam.

Kita akan memberi perhatian yang berat kepada golongan pertama dan golongan kelima dalam tulisan ini kerana kedua-duanya memperjuangkan konsep-konsep Islam yang berteraskan Al-Qur'ān dan *Sunnah* dan bersatu dalam menekankan peranan pemerintah sebagai pemegang *amānah* dari Allah untuk melaksanakan dan mendaulatkan *Syari'ah*. Dengan yang demikian, golongan kelima sebenarnya ialah lanjutan dari golongan pertama.

Golongan Pertama

Di antara tokoh-tokoh yang terkenal dalam golongan ini ialah:

1. Abū Yūsuf Yaqqūb (113-182H/731-798M), seorang kadi yang terkenal pada zaman Khalifah Harun ar-Rashīd. *Kitāb al-Kharāj*, beliau membicarakan teori *Khilafah* yang khusus membicarakan soal kewangan negara Islam.
2. Abu'l-Hasan al-Mawardi (364-450H/991-1031M), penulis buku *Al-Ahkām As-Sultāniyyah* (peraturan-peraturan mengenai pemerintahan) yang merupakan penghuraian yang klasik mengenai *Khilafah* atau *Imāmah*. Buku ini menjadi pegangan yang sangat penting bagi pemimpin-pemimpin Islam di belakangnya.
3. Al-Ghazali (450-501H/1058-1111M), pemikir Islam yang amat besar pengaruhnya dalam perkembangan ilmu keislaman dari zamannya sampai sekarang. Dalam bukunya *Kitāb al-Iqtisād fi'l-Itiqad*, beliau mengutarakan idea-idea beliau mengenai *Imāmah* yang tidak jauh berbeza dengan teori-teori Al-Mawardi. Tetapi dalam buku-buku lain, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa beliau terpaksa menerima kenyataan yang berlaku pada zamannya demi untuk menjaga penyatuan *ummah* Islam.
4. Badr ad-Dīn Ibn Jamā'ah (639-733H/1241-1333M), seorang ahli hukum Islam dan Kadi Besar di Kaherah (tahun 129M) dan Damsyik.
5. Ibnu Taimiyah (661-728H/1263-1328M), yang banyak mempengaruhi gerakan-gerakan pembaharuan Islam pada zaman moden. Buku mengenai teori pemerintahan Islam yang terpenting ialah *As-Siyāsah ash-Syari'eah fī Islāh ar-Rā'i war'r-Ra'iyyah* (Pentadbiran berdasarkan *Syari'ah* mengenai pembaikan pemerintah dan rakyat).

Al-Mawardi

Al-Māwārdī menegaskan peri mustahaknya pemerintahan Islam (*imāmah*) kerana ia dituntut oleh agama sebagaimana yang dikehendaki oleh Al-Qur'ān (Surah IV, An-Nisā', ayat 59) dan Sunnah. Ia membezakan antara pemerintahan yang berdasarkan akal manusia dan pemerintahan yang berlan-

daskan peraturan-peraturan Allah. Perherintahan jenis kedua ini lebih tinggi nilainya dari pemerintahan jenis pertama kerana ia mencakup kepentingan manusia di dunia dan juga di akhirat.

‘Pemerintahan jenis *imāmah* ini berdiri dengan adanya kontrak (*‘ahd*) antara pemimpin negara (*imam*) dengan rakyat (*jama‘āh*). Pemerintah (*imām* atau *khalifah*) mestilah memenuhi tujuh syarat: keadilan (*adālah*), ilmu pengetahuan agama yang mantap, kesihatan jasmani, kesihatan mental, keberanian, kesanggupan menjalankan *jihād* terhadap musuh-musuh negara, dan keturunan Quraisy (iaitu suku kaum Nabi Muhammad dan sebahagian para sahabatnya).

Pemilihan khalifah hendaklah dibuat oleh beberapa orang juru pilih sebagaimana yang berlaku dalam pemilihan Abu Bakr oleh lima orang pemilih dan dalam pemilihan ‘Uthman oleh enam orang pemilih. Pemilihan itu menjadi sah dengan berlakunya perjanjian taat setia (*bai’ah*) yang dibuat oleh para pemilih dan pemimpin-pemimpin agama dan masyarakat yang berpengaruh. Golongan ini dikenali dalam teori politik Islam dengan nama “*ahl al-‘aqd wa ’l-hall*” (mereka yang mempunyai kuasa mengikat dan merombak). Sesudah *bai’ah* dibuat oleh golongan ini, khalifah akan membuat janji (*‘ahd*) kepada rakyat bahawa ia akan menjalankan tanggungjawabnya dengan betul dan mengharapkan rakyat akan memberikan taat setia kepadanya.

Selain secara pemilihan, seseorang khalifah boleh dilantik oleh khalifah yang sedia memerintah, sebagaimana Abū Bakr telah melantik ‘Umar sebagai penggantinya. Tetapi khalifah yang sedia ada mestilah melantik calon yang paling sesuai dengan syarat-syarat yang dikehendaki oleh agama. Calon itu tidak semestinya datang dari keluarga khalifah sendiri. Bila ia dilantik ia dianggap pemimpin yang sah walaupun tanpa persetujuan rasmi dari pihak pemilih, dengan syarat sesudah berlaku *bai’ah* ia mengikat perjanjian dengan rakyat bahawa ia akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, khalifah dibenarkan melantik dua orang calon penggantinya yang mana seorang daripada mereka akan dipilih sesudah khalifah meninggal atau tidak lagi mempunyai kuasa yang berkesan. Atas desakan

untuk menjaga kepentingan umum (*mūṣālih ‘āmmah*) khalifah boleh mencadangkan tiga orang penggantinya secara berturut-turut sesudah ia mendapat restu daripada para *ulama’* yang terkemuka yang biasanya tergolong di dalam golongan “mereka yang berkuasa mengikat dan merombak”. Kebenaran ini didasarkan kepada amalan Nabi Muhammad melantik sekaligus tiga orang bakal panglima perang yang akan menjadi panglima secara berturut-turut.

Jawatan khalifah boleh dilucutkan sekiranya ternyata bahawa ia tidak lagi mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik atau tidak mempunyai kebebasan bergerak dan bertindak.

Al-Mawardi menyenaraikan sepuluh tanggungjawab pokok khalifah:

1. Menjaga kepentingan agama.
2. Melaksanakan keadilan.
3. Menjaga keselamatan negeri dan kesejahteraan hidup rakyat.
4. Menjalankan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh Allah.
5. Menghormati hak-hak rakyat.
6. Menjalankan *jihad* terhadap musuh-musuh negara dan agama.
7. Membahagikan harta rampasan perang dengan saksama.
8. Melakukan kebajikan dengan bersedekah.
9. Menjalankan pentadbiran kewangan yang cekap.
10. Memberi perhatian sendiri kepada urusan-urusan pemerintahan berhubung dengan kebajikan am dan agama.

Tugas-tugas di atas ternyata mencakup bidang kehakiman, pentadbiran, kewangan, ketenteraan dan keagamaan. Tugas-tugas itu mempunyai hubungan erat antara satu dengan lain dan menunjukkan sifat penyatuan agama dengan politik dalam pandangan hidup Islam.

Ibnu Taimiyyah

Ibnu Taimiyyah, dalam kitabnya *As-Siyāsah Ash-Shar‘īyyah* yang disebut di atas, telah mengalihkan perhatiannya dari

pemerintahan *Khilafah* yang ideal kepada pri-mustahaknya *Syāri'ah* dilaksanakan oleh sesiapa saja yang memegang teraju pemerintahan. Yang dipentingkannya ialah reformasi pentadbiran berdasarkan kepada *Syāri'ah* untuk kepentingan pemerintah dan rakyat.

Di dalam bab mengenai “Pemerintahan ketuhanan dan perwakilan kenabian” (*siyāsah ilāhiyyah wa iinābah nubūwiyyah*), beliau menekankan betapa perlunya taat setia kepada Allah, Rasul dan pemerintah. Tetapi taat setia itu bergantung kepada keadilan kerana di atas keadilanlah terletaknya kesejahteraan dunia dan akhirat. Pemerintahan yang adil (*siyāsah 'ādilah*) sangat-sangat dituntut oleh Allah. Pemerintahan ialah satu fungsi agama yang penting kerana tanpanya kewajipan menyuruh orang melakukan kebaikan dan mencegah orang dari melakukan keburukan (*al-amr bi'l-ma'rūf wa'n-nahy'an al-munkar*) tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Begitu juga dengan semua kewajipan-kewajipan agama yang lain seperti haji, sembahyang, puasa, zakat, dan pengurusan hukuman Allah di atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh manusia. Islām, menurut Ibnu Taimiyyah, memberikan kekuasaan (*sultan*) dan harta benda (*māl*) untuk pengabdian kepada Allah. Kata beliau, “Agama (*dīn*) tanpa *sultān*, *jihād* dan *māl* sama buruknya dengan *sultān*, *māl* dan *harb* (peperangan) tanpa agama.”

Kepada negara dan pegawai-pegawai mestilah dibimbangi oleh tuntutan-tuntutan Al-Qur'an dan Sunnah, dan sekiranya mereka tidak tahu bagaimana hendak menggunakan ajaran-ajaran agama dalam masalah-masalah tertentu, maka mereka mesti meminta nasihat para '*ulamā'*. Walaupun Ibnu Taimiyah membentarkan rakyat untuk tidak mematuhi perintah-perintah kerajaan yang melanggar ketentuan-ketentuan Allah, namun ia tidak menyuruh mereka melakukan pemberontakan kerana itu boleh mewujudkan keadaan huru-hara. Oleh sebab itulah beliau meminta pihak-pihak yang berkuasa supaya beramal dengan jujur, *taqwā*, *sadaqah* dan adil, moga-moga dengan itu mereka akan terselamat daripada dorongan-dorongan kepentingan diri yang sempit.

Apa yang menonjol dari pendekatan Ibnu Taimiyyah ialah penekanannya tentang pembentukan *ummah* Islam yang melaksanakan *Shariah*. Soal *khilafah* atau *imamah* beliau ketepi-

kan, begitu juga pertikaian-pertikaian antara kuasa *khilāfah* dan kuasa *sultān*. Baginya bentuk pemerintahan yang unggul itu ialah soal yang kedua. Soal pokok ialah pemerintahan yang adil dan melaksanakan tuntutan-tuntutan *Syari'ah* demi kepentingan rakyat.

Ibnu Khaldun

Kalau golongan *fujūha'* memberikan perhatian kepada prinsip-prinsip pemerintahan yang dituntut oleh Al-Qur'an dan Sunnah, dan golongan pentadbir dan penulis-penulis istana kepada seni dan etika pentadbiran, maka Ibnu Khaldun pula berusaha menerangkan hukum-hukum yang dirasakan berlaku dalam sejarah dan politik.

Ibnu Khaldun membezakan tiga jenis negara berdasarkan bentuk pemerintahan dan tujuannya. Pertama ialah *siyāsah dīniyyah*, iaitu pemerintahan yang berdasarkan peraturan-peraturan yang diwahyukan. Negara ini wujud dalam bentuk khilafah atau imamah. Kedua ialah *siyāsah aqliyyah*, iaitu pemerintahan berdasarkan undang-undang ciptaan pemikiran manusia. Jenis ini wujud dalam bentuk negara yang diasaskan di atas kekuatan (*mulk* atau *power-state*). Ketiga ialah *siyāsah madaniyyah*, pemerintahan negara unggul yang diutarakan oleh golongan failasuf Muslim dan Yunani seperti *Republic* oleh Plato dan *Al-Madinah al-Fādilah* (negara utama) oleh *Al-Farabi*. Ia menolak jenis ketiga ini sebagai hasil pemikiran impian dan mengiktiraf yang pertama dan kedua sahaja.

Bagi Ibnu Khaldūn, sebagai seorang kadi dan alim, tidak syak lagi bahawa negara jenis pertamalah yang lebih baik dan lebih unggul dari jenis yang kedua, kerana melalui jenis itu sahaja kesejahteraan di dunia dan di akhirat dapat dicapai. Namun demikian, minatnya sebagai pengkaji sejarah yang objektif, tertumpu kepada negara yang didirikan di atas kekuatan manusia. Negara jenis *mulk* ini berdasarkan kepada kekuatan perasaan *asabiyah*, perasaan kesukuan dan kestetiaan yang timbul dari ikatan-ikatan kekeluargaan dan kabilah.

Ibnu Khaldun membahagikan *siyāsah 'aqliyyah* kepada dua jenis: pertama, ialah dalam bentuk *mulk* yang dibentuk oleh orang Islam yang mengandungi hukum-hukum *Shariah* dan undang-undang pemerintah (*qawānin siyasiyyah*); kedua, ia-

lah *mulk* yang didirikan di luar lingkungan Islam.

Dalam kajiannya mengenai sejarah Umawiyyah dan ‘Ab-bāsiyyah, ia meneliti sebab-sebab perubahan *siyāsah dīniyyah* kepada *mulk*. Ia mendapati bahawa bila agama tidak lagi mempengaruhi pemerintahan, tempatnya akan diisi oleh *asabiyah* dan kekuatan fizikal. Menurutnya, agama ialah sumber dari mana tumbuhnya kerajaan-kerajaan besar. Tetapi lambat-laun kekuatan agama turut dipengaruhi oleh naik turunnya sesuatu dinasti. Penghayatan agama akan menjadi malap bila kewajipan-kewajipan agama tidak lagi dilakukan secara spontan dan penuh semangat, tetapi, dilaksanakan kerana takutkan tindakan undang-undang (*aḥkam*). Ibnu Khaldun telah memberikan sumbangan yang sangat bernilai kepada ilmu sejarah dan sosiologi dalam penerangannya tentang sebab-sebab berubahnya *khilāfah* menjadi *mulk* sehingga *Syari’ah* terpaksa mengurangkan pengaruh untuk memberi tempat kepada undang-undang ciptaan kerajaan.

Pemikiran Politik Islam pada Zaman Moden dan Semasa

Pemikiran politik Islam pada zaman moden (khususnya dari 1900M ke atas) tumbuh dalam konteks sosial dan sejarah yang berlainan dari zaman pertengahan. Banyak negeri Islam telah berada di bawah penjajahan kuasa-kuasa kolonial Eropah — Inggeris, Perancis dan Belanda. Pemerintahan Islam yang terbesar pada zaman itu, Empayar ‘Uthmāniyyah (Ottoman Empire), sedang digugat oleh kuasa-kuasa Barat dan akhirnya membawa kepada penghapusan *Khilāfah* yang terakhir dalam sejarah. Turki dan negeri-negeri orang Islam yang lain mula mengalami proses *Westernisation* dan *secularization* dalam semua bidang kehidupan masyarakat. Penjajahan politik diperkuuhkan dengan penjajahan pemikiran dan kebudayaan. Institusi-institusi politik, ekonomi, sosial dan budaya yang berteraskan sekularisme dan liberalisme Barat menjadi dominan dalam masyarakat-masyarakat orang Islam yang dijajah dari Maghribi ke Filipina.

Sistem pendidikan Barat pula berjaya melahirkan generasi Muslim yang *Westernized*, *Secularized* yang dididik untuk menyanjung tinggi nilai dan norma-norma sekular, liberal dan humanisme Barat, dan melihat Islam sebagai agama yang

rendah nilainya dan yang berhubungan hanya dengan urusan peribadi. Ruang lingkup agama Islam menjadi sempit dan terhad kepada ibadah dalam pengertian yang khas sahaja, seperti sembahyang, puasa dan naik haji. Bidang pemerintahan, ekonomi dan kemasyarakatan dirasakan tidak termasuk ke dalam ruang lingkup agama Islam. Sekularisasi keperibadian Islam, terutama golongan elitnya, telah menjadi satu ciri umum yang amat ketara dalam negeri-negeri yang dijajah. Dengan itu berlakulah polarisasi antara dua golongan besar dalam masyarakat peribumi. Golongan atasan yang berpengaruh yang berorientasikan nilai-nilai kehidupan sekular dan golongan massa yang tidak mempunyai pengaruh berorientasikan nilai-nilai kehidupan tradisi dan Islam.

Penjajahan politik dan budaya Barat kemudian terpaksa berhadapan dengan penentangan dan protes yang datang dari dua golongan di atas. Golongan pertama melahirkan barisan nasionalis sekular yang berjuang untuk mendapat kemerdekaan dari kuasa-kuasa penjajah. Golongan ini ingin mendirikan negara-negara nasional yang berteraskan undang-undang dan perlombagaan-perlombagaan sekular. Sistem politik, ekonomi dan sosial yang diwarisi dari penjajah akan diubahsuai dengan keperluan kebangsaan, tetapi asas-asas falsafahnya tidak mengalami perubahan-perubahan radikal sehingga ia terkeluar daripada landasan sekular dan kemanusiaan.

Dari golongan kedua, kuasa penjajahan Barat berhadapan dengan penentang-penentang yang mendapat inspirasi protesnya dari pandangan hidup Islam dan yang ingin mendirikan negara merdeka mereka di atas prinsip-prinsip sosio-politik dan sosio-ekonomi Islam. Dalam menentang penjajahan Barat golongan "agama" dan golongan "nasionalis" telah dapat menggembeling tenaga dan kerjasama kerana kuasa penjajah ialah musuh mereka bersama. Tetapi sesudah kemerdekaan tercapai muncullah babit-babit pergeseran dan konflik antara dua golongan peribumi tadi, masing-masing bertitik tolak dari sistem nilai dan pandangan alam yang berbeza.

Pemikiran politik Islam yang lahir pada zaman moden dan masa kini perlu difahami dalam konteks sosio-politik yang telah diterangkan secara ringkas. Kenyataan pahit tentang dominasi kuasa penjajah Barat dalam negeri-negeri orang Islam telah menghidupkan semula unsur *jihad* dalam pem-

kiran dan perlakuan pejuang-pejuang *Weltanschauung* Islam. Tetapi kesedaran bahawa kedudukan Islam sudah menjadi lemah di dalam konteks negara nasional disebabkan oleh besarnya pengaruh sistem pendidikan Barat dan kemudian sistem kebangsaan, telah menyebabkan pemikiran politik Islam terpaksa menyesuaikan idealisme agama dengan kenyataan.

Sebagai contoh, tuntutan supaya *Khilafah* dihidupkan semula banyak kedengaran semasa golongan Islam berkonfransi dengan kuasa-kuasa penjajah di India dan di Asia Barat. Pada waktu itu ia menjadi satu *rallying point* yang ampuh bagi umat Islam yang menghadapi tekanan Inggeris di India dan tekanan gabungan kuasa-kuasa Barat di atas negeri-negeri yang menjadi sebahagian daripada Empayar ‘Uthmaniyyah. Tambahan pula golongan nasionalis sekular di bawah pimpinan Kamal Ataturk sedang berusaha menghapuskan sistem *Khilāfah* Uthmaniyyah di Turki dan keunggulan *Syari‘ah* yang menjadi dasar sistem itu. Gerakan *Khilāfat* di India (yang dipimpin oleh Shawkat ‘Ali dan Muhammad ‘Ali) dan gerakan *Manar* di Asia Barat di bawah pimpinan Rashīd Ridā (1865-1935M) telah memperjuangkan penerusan sistem *Khilafah* dengan beberapa perubahan. Tetapi dasar pemikiran Rashid Ridā dan pejuang-pejuang Islam pada waktu itu ialah mempertahankan kesucian dan keunggulan Islam daripada pencrobohan *Westernisation*, *Christianisations*, materialisme dan sekularisme. Selepas Rashid Ridā, gagasan pemerintahan Islam dalam bentuk *Khilāfah* tidak lagi mendapat perhatian yang serius kerana pejuang-pejuang Islam dalam negeri-negeri bekas penjajahan terpaksa memikirkan soal-soal keislaman dalam konteks kenyataan sosio-politik negara nasional masing-masing. Namun demikian semangat persaudaraan Islam sejagat yang dipelopori oleh Sayyid Jamāl ad-Dīn al-Afghāni (1838-1896M) melalui gagasan “Pan-Islamisme”nya tetap dirasakan dan disuarakan oleh pemimpin-pemimpin Islam di negeri masing-masing.

Pemikiran politik Islam di dalam konteks negara nasional boleh dibahagikan kepada tiga kategori besar: (1) pemikiran di sekitar pembentukan dan pelaksanaan Negara Islam. Ini merupakan penerusan daripada pemikiran mengenai *Khilāfah* pada zaman pertengahan. (2) Pemikiran yang cuba

menggabungkan cita-cita Islam dengan faham kebangsaan (*qaumiyyah*) dan patriotisme (*wataniyyah*). (3) Pemikiran yang cuba menggabungkan konsep-konsep Islam dengan ideologi Barat, terutama sosialisme, melalui gagasan “Sosialisme Islam”. Di antara tiga aliran ini aliran “Negara Islam”lah yang paling asli (*authentic*) dan mewakili sebagai suatu manifestasi keinginan orang-orang Islam dari abad ke abad untuk melaksanakan tuntutan Islam yang abadi, iaitu penyatuan agama dan pengurusan hal ehwal keduniaan (*din wa dunya*) dan perlaksanaan *Shari'ah* dengan sepenuhnya dan semua bidang kehidupan masyarakat.

Negara Islam

Gagasan “Negara Islam” sebagai negara yang berdasarkan prinsip-prinsip Islam dan yang melaksanakan *Syari'ah* telah di perjuangkan mula-mula di Asia Barat secara sungguh-sungguh oleh gerakan *Al-Ikhwān al-Muslīmūn* (Persaudaraan Muslimin). Kemudian di India dan Pakistan oleh gerakan *Jamā'at-i-Islāmī* (Persatuan Islam), di Indonesia oleh gerakan Darul Islam dan MASJUMI (Majlis Sjuro Ummat Muslimin Indonesia), dan di Iran oleh gerakan Islam di bawah pimpinan Ayatollah Rohullah Khomeini. Di Asia Barat sekarang, selain Arab Saudi dan Iran (sesudah revolusi Islam dalam bulan Februari 1979), belum lagi terdapat negara lain yang menganggap negaranya sebagai “Negara Islam” dalam pengertian di atas, walaupun wujud banyak negara nasional di sana yang memberi tempat yang penting kepada agama Islam dalam perlembagaannya. Pakistanlah negara yang pertama pada zaman moden yang didirikan untuk mempraktikkan cita-cita “Negara Islam” yang disuarakan pertama kali oleh Dr. Muhammad Iqbal (1876-1938M). Dua contoh pemikiran mengenai “Negara Islam” di Pakistan diberikan di bawah ini.

I. Prinsip-prinsip Asasi Sebuah “Negara Islam”¹

Satu perjumpaan ‘*ulamā'* seluruh Pakistan yang mewakili semua aliran pemikiran telah diadakan pada 21 sampai 24 Januari 1951 di Karaci. Berikut ialah kenyataan yang diper-setujui bersama oleh mereka mengenai prinsip-prinsip asasi sebuah negara Islam.

Perlembagaan sebuah Negara Islam perlu mengandungi prinsip-prinsip berikut:—

1. Kedaulatan yang tertinggi di atas seluruh alam dan semua undang-undang berada di sisi Allāh, Tuhan sekelian alam sahaja.
2. Undang-undang negara hendaklah diasaskan kepada Al-Qur'ān dan Sunnah, dan sebarang undang-undang atau peraturan pentadbiran yang diwujudkan tidak boleh bertentangan dengan Al-Qur'ān dan Sunnah.

Catatan Penjelasan:

Sekiranya terdapat sebarang undang-undang yang berkuatkuasa dalam negeri yang bertentangan dengan Al-Qur'ān dan Sunnah, maka adalah perlu dinyatakan (dalam Perlembagaan) bahawa undang-undang itu hendaklah dimansuhkan atau diubah secara beransur-ansur, dalam jangka waktu yang ditentukan, supaya sesuai dengan hukum Islam.

3. Negara tidak akan diasaskan di atas konsep-konsep geografi, ras, bahasa atau konsep-konsep kebendaan lain, tetapi di atas prinsip-prinsip dan nilai-nilai ideal dalam ideologi Islam.
4. Adalah menjadi tugas negara untuk menegakkan *al-Ma'rūf* (kebaikan) dan membendung serta menghapuskan *al-Munkar* (keburukan) sebagaimana yang disebut di dalam Al-Qur'ān dan Sunnah; dan mengambil semua langkah yang perlu bagi menghidupkan dan memajukan pola kebudayaan Islam; dan memberi tempat kepada pendidikan Islam sesuai dengan tuntutan-tuntutan yang terdapat dalam berbagai aliran pemikiran Islam yang diiktiraf.
5. Adalah menjadi tugas negara untuk memperteguhkan ikatan persatuan dan persaudaraan di kalangan orang Islam seluruh dunia dan mencegah pertumbuhan semua kecenderungan yang merugikan yang berasaskan perbezaan ras, bahasa, daerah atau asas-asas kebendaan yang lain, dan menjaga serta memperkuatkan kesatuan sejagat ummat Islam.

6. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjamin keperluan-keperluan asas rakyat untuk hidup, iaitu makanan, pakaian, perumahan, bantuan perubatan dan pendidikan kepada semua warganegara tanpa membezakan ras atau agama – secara sementara atau berkekalan – mencari sara hidup disebabkan oleh pengangguran, sakit atau sebab-sebab lain.
7. Setiap warganegara berhak mendapat semua hak yang diberikan kepada mereka oleh hukum Islam, iaitu mereka akan mendapat jaminan dalam batas-batas yang ditentukan oleh undang-undang, tentang keselamatan jiwa dan harta benda, kebebasan beribadat, kebebasan diri, kebebasan bersuara, kebebasan bergerak, kebebasan berpersatuan, kebebasan pekerjaan, kesamarataan dalam mendapat peluang dan hak untuk mendapat manfaat daripada perkhidmatan-perkhidmatan awam.
8. Tidak seorang pun warganegara boleh disekat, pada bila-bila masa daripada mendapat hak-hak itu kecuali di bawah sekatan undang-undang; dan tidak siapa pun akan dikenakan balasan hukuman kerana sesuatu kesalahan tanpa diberikan peluang sepenuhnya untuk membela diri dan tanpa keputusan daripada sebuah mahkamah undang-undang.
9. Aliran-aliran pemikiran Islam yang diiktiraf hendaklah diberikan kebebasan sepenuhnya dalam batas-batas yang dibenarkan oleh undang-undang. Aliran-aliran itu berhak memberikan pengajaran agama kepada pengikut-pengikutnya dan mempunyai kebebasan untuk menyebarkan pandangan-pandangan mereka. Perkara-perkara yang termasuk di bawah undang-undang peribadi akan ditadbirkan mengikut ilmu *fiqh* masing-masing, dan adalah perlu dibuat peruntukan supaya pentadbiran perkara-perkara itu dijalankan oleh kadi-kadi (hakim) yang berpegang kepada aliran pemikiran masing-masing.

10. Warganegara yang bukan beragama Islam, dalam batas-batas yang ditentukan oleh undang-undang akan mendapat kebebasan yang sepenuhnya dalam agama dan ibadat, cara hidup, budaya dan pendidikan agama. Mereka berhak mentadbirkan undang-undang peribadi menurut peraturan agama, kebiasaan dan adat mereka.
11. Semua tanggungjawab negara berhubungan dengan warganegara yang bukan beragama Islam akan dilaksanakan dalam batas-batas yang dibenarkan oleh *Shari'ah*. Mereka berhak mendapatkan hak-hak kerakyatan yang sama dengan warganegara-warganegara Islam sebagaimana yang diterangkan dalam para 7 di atas.
12. Pemimpin negara mestilah terdiri dari lelaki Muslim yang ketaqwaannya, ilmunya dan kemampuan pendapatnya dihormati dan dipercayai oleh rakyat atau wakil-wakil mereka yang dipilih.
13. Tanggungjawab di atas pentadbiran negara adalah pada dasarnya, di tangan pemimpin negara, walau pun beliau boleh menyerahkan (delegate) manapun bahagian dari kuasa-kuasanya kepada manapun individu atau badan.
14. Pemimpin negara akan menjalankan fungsinya bukan dengan cara otokratik tetapi dengan cara perundingan (*Shura*), iaitu ia akan menjalankan tugas-tugasnya melalui perundingan dengan orang-orang yang mempunyai kedudukan yang bertanggungjawab dalam kerajaan dan dengan wakil-wakil rakyat yang telah dipilih.
15. Pemimpin negara tidak berhak menggantungkan Perlembagaan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, atau menjalankan pentadbiran tanpa *Shura*.
16. Badan yang diberi kuasa memilih pemimpin negara akan mempunyai kuasa juga untuk melucutkan pemimpin itu dari jawatannya dengan undi terbanyak.
17. Dari segi hak-hak sivil, pemimpin negara adalah berada pada taraf yang sama dengan orang Islam

- yang lain dan tidak akan mengatasi undang-undang.
18. Semua warganegara, sama ada anggota kerajaan, pegawai atau orang perseorangan hendaklah tunduk kepada undang-undang yang sama dan juga kuasa mahkamah-mahkamah yang sama.
 19. Bahagian kehakiman hendaklah dibebaskan dan disingkan daripada bahagian eksekutif, supaya ia tidak dipengaruhi oleh bahagian eksekutif dalam menjalankan tugas-tugasnya.
 20. Penyebaran dan penyiaran pandangan-pandangan dan ideologi-ideologi yang dirancangkan untuk meruntuhkan prinsip-prinsip dan cita-cita yang menampung kewujudan negara Islam hendaklah dicegah.
 21. Bahagian-bahagian negeri atau daerah-daerah hendaklah dianggap sebagai unit-unit pentadbiran dari satu negara. Bahagian-bahagian itu tidak boleh didasarkan kepada ras, bahasa atau *kabilah*; ia adalah daerah-daerah pentadbiran semata-mata yang mungkin diberikan kuasa-kuasa tertentu di bawah pemerintahan pusat sekadar mencukupi untuk memudahkan pentadbiran. Bahagian-bahagian itu tidak berhak menarik diri dari pemerintahan pusat.
 22. Sebarang pentafsiran Perlembagaan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Al-Qur'an atau *Sunnah* tidak akan dianggap sah.

II. Pemikiran Abu'l-'A'la Maududi

Pada umumnya, ahli fikir politik Islam masa kini mengakui bahawa adalah tidak mungkin diwujudkan satu perlombagaan negara Islam yang dapat disesuaikan dengan semua negara Islam yang ingin melaksanakan *Shari'ah* sepenuhnya. Kepelibagian tradisi, kebudayaan dan corak masyarakat memerlukan perincian perlombagaan yang mungkin berbeza dari satu negeri ke satu negeri. Hal ini ditegaskan oleh 'Abd ar-Rahman Azzam, pengasas Liga Arab dan Setiausaha Umumnya dalam tahun 1946:

Maka, perlombagaan bersifat Islam yang dikehendaki oleh orang Indonesia, Pakistan, Arab dan orang Islam lain mungkin menunjukkan persamaan dan kesesuaian dalam intisarinya sedangkan secara terperinci ia mungkin berbeza, seperti undang-undang, peraturan-peraturan dan tatacara-tatacara yang menjadi perlu kerana kehendak-kehendak dan masalah am sesbuah masyarakat.²

Pemikir-pemikir Islam masa kini bersetuju bahawa Islam meletakkan beberapa prinsip pemerintahan dan norma-norma yang pokok serta memberikan tempat yang wajar kepada daya fikir ahli-ahli politik Islam untuk menyesuaikan prinsip-prinsip pemerintahan Islam dengan keadaan-keadaan, masa dan tempat.

Di antara prinsip-prinsip pokok itu termasuklah *shura* atau perundingan bersama dalam semua hal yang menyentuh kehidupan secara kolektif. Prinsip ini ditegaskan oleh Al-Qur'an (Mereka menguruskan urusan mereka melalui perundingan bersama Surah Ash-Shura, ayat 38) dan oleh amalan Rasulullah. Prinsip ini menunjukkan bahawa Islam tidak merestui pemerintahan yang berdasarkan kepada kuasa dan kehendak satu orang atau satu kumpulan sahaja. Tetapi Islam tidak pula menentukan satu cara tertentu untuk melaksanakan prinsip *Shura* itu.

Dalam hal ini, Abul A'la Maududi, salah seorang pemikir Islam yang paling terkenal di dunia Islam masa kini berkata:

Ada pun tentang cara perundingan bersama, ini dengan bijaknya telah diserahkan kepada penentuan orang-orang Islam. Islam tidak mengenakan satu bentuk yang tertentu bagi pembentukan badan-badan perundingan kerana ia adalah agama universal untuk semua zaman. Oleh kerana itu ia tidak menentukan sama ada rakyat mesti dihubungi secara langsung atau melalui wakil-wakil mereka yang dipilih; sama ada wakil-wakil itu mesti dipilih dalam pilihan raya umum atau melalui *electoral colleges*; sama ada badan perundingan itu mesti mempunyai dua atau satu dewan, dan sebagainya. Jelas sekali, ini adalah soal-soal perincian dan boleh berbeza dalam masyarakat yang berbeza dan dalam keadaan-keadaan yang berlainan. Sebab itulah *Shariah* membiarkan masalah-masalah ini diselesaikan menurut keperluan-keperluan zaman. Bagaimanapun tiga perkara berikut adalah perkara asas yang perlu ditinjau dari kacamata ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi yang dipetik di atas.

- a) Oleh kerana tidak ada sebarang urusan yang menentuh kepentingan bersama orang Islam yang patut dilaksanakan tanpa perundingan dengan rakyat yang berkenaan, prinsip ini akan dikenakan pertama sekali kepada perlantikan pemimpin negara. Dengan demikian, prinsip ini menghindarkan kemungkinan terjadi pemerintahan beraja secara turun-temurun (monarchy), pemerintahan zalim (despotism) dan pemerintahan diktator. Ia juga tidak akan membenarkan pemimpin negara

menggunakan kuasa menggantung perlombagaan mengikut kehendaknya, kerana pada masa pergantungan itu, dia sudah bertindak sebagai seorang *autocrat*.

- b) Semua rakyat yang berkenaan mestilah dibawa berunding secara langsung atau melalui wakil-wakil mereka yang telah diberi kepercayaan.
- c) Perundingan itu hendaklah bersifat bebas, tidak berat sebelah dan ikhlas. Sebarang perundingan yang dilakukan di bawah sesuatu tekanan atau kerana dorongan sesuatu bukanlah perundingan dalam pengertian yang sebenar.³

Pandangan Maulana Abu'l A'la Maududi yang lengkap mengenai Negara Islam terdapat dalam bukunya *Islamic Law and Constitution* terjemahan Khurshid Ahmad (Lahore, 1955) dan *The Nature and Contents of Islamic Constitution* yang memuatkan ceramah beliau kepada Karachi Bar Association dalam tahun 1952.⁴

Maududi di dalam *The Nature and Contents of Islamic Constitution* mula-mula menerangkan kepada ahli undang-undang dan peguam-peguam di depannya bahawa empat perkara menjadi sumber kepada perlombagaan yang bersifat Islam yang sememangnya belum tertulis sebagaimana perlombagaan-perlombagaan moden — iaitu Al-Qur'an, Sunnah, contoh-contoh *Al-Khulafa' ar-Rashidun* dan pandangan-pandanngan para *fujahah*' yang terkenal pada zaman dahulu.

Menurut beliau ada sembilan perkara pokok di dalam perlombagaan yang bersifat Islam⁵ :—

1. Siapakah pemegang kuasa yang tertinggi (sovereign); raja, atau segolongan orang, atau suku kaum, atau Allah Yang Maha Kuasa sendiri?
2. Apakah fungsi-fungsi dan ruang lingkup sebuah negara Islam? Sejauh mana ia boleh mengharapkan ketataan daripada warganegara dan di mana dan bagaimakah jika negara tidak lagi mempunyai hak-hak itu?
3. Apakah fungsi-fungsi dan ruang lingkup berbagai-bagi bahagian negara ini, iaitu bahagian eksekutif, bahagian kehakiman (judiciary) dan bahagian pembuat undang-undang (legislature)? Apakah tugas masing-masing dan batas-batasnya, dan bagaimakah hubungan antara satu dengan lain?
4. Apakah tujuan negara yang sebenar, dan apakah mat-

lamat dan landasan dasarnya yang menyeluruh (overall policy).

5. Bagaimanakah kerajaan (government) negara ini dibentuk?
6. Apakah syarat-syarat yang perlu dimiliki oleh orang-orang yang dianggap layak mengendalikan kerajaan negara ini?
7. Apakah ciri-ciri asasi bagi kewarganegaraan dan bila-kah seseorang itu boleh dianggap sudah menjadi warganegara?
8. Apakah hak-hak asasi warganegara?
9. Apakah tanggungjawab asasi warganegara kepada negara?

Kuasa yang tertinggi ialah Allah, berdasarkan kepada Al-Qur'an 12:40, 114:1-3, 3:26, 18:110, 7:54, 7:3, 5:44. Suatu negara akan benar-benar bersifat Islam apabila ia mengakui dengan jelas kedaulatan politik dan kehakiman Allāh (political and legal sovereignty of Allāh) dan mengikat dirinya untuk mentaatiNya dan mengiktirafNya sebagai Kuasa Tertinggi yang mana perintah-perintahNya mesti dipatuhi biar apa pun akibatnya.”⁶

Sifat taat kepada perintah Rasul sebagai pesuruh Allah juga dijelaskan oleh Al-Qur'an 4:80, 4:64, 59:7, 4:105, 4:65. Ini bererti bahawa perlembagaan yang bersifat Islam mesti mene-gaskan bahawa pemerintah dan bahagian-bahagiannya tidak boleh mengeluarkan perintah atau membuat undang-undang yang bertentangan dengan *Sunnah Rasūlullāh*. Kedudukan negara Islam ialah sebagai wakil (viceregent) Allah yang melaksana *Syari'ah* Allah. Semua rakyat mempunyai status perwakilan (viceregency) yang diberikan oleh Allah kepada seluruh masyarakat, bukan kepada individu-individu tertentu. Inilah asas “demokrasi” Islam yang berlaku dalam batas-batas yang ditentukan oleh Allāh. Negara juga tidak boleh bertindak di luar ketentuan-ketentuan *Syari'ah*. Prinsip yang mesti menjadi panduan terkandung di dalam Al-Qur'an 4:59. Bila negara atau pemimpin melanggar ketentuan-ketentuan itu, ia tidak lagi berhak mendapat taat setia daripada warganegara dan ini dijelaskan oleh hadis Nabi yang bererti: “Tidak ada

ketaatan kepada makhluk dalam pendurhakaan kepada Pen-
cipta” dan “Tidak ada ketaatan kepada sesiapa yang tidak
taat kepada Allah”.

Bahagian membuat undang-undang (legislature), menurut Maududi, mempunyai peranan yang sama dengan golongan *ahl al-aqd wa'l-hall* dalam teori-teori klasik. Bahagian ini tidak boleh membuat peraturan atau undang-undang yang bertentangan dengan Al-Qur'an dan Sunnah. Di kalangan mereka perlu terdapat golongan yang alim dalam ilmu-ilmu agama dan hukum Islam. Apabila terdapat perkara-perkara yang tidak terdapat dalam Al-Qur'an, Sunnah atau warisan *Khulafā' Rāshidūn* maka ini bererti bahawa “Allah telah memberi kebebasan kepada kita untuk membuat hukum menge-
nainya mengikut kebijaksanaan kita” asalkan ia tidak ter-
keluar daripada semangat *Syari'ah*.⁷

Bahagian Eksekutif pula bertindak melaksanakan per-
aturan-peraturan Allah dan mewujudkan masyarakat yang bersedia mematuhi peraturan-peraturan tersebut. Bahagian ini dalam istilah Al-Qur'an dan Sunnah disebut sebagai *Ulu'l-
amr* dan *Umara'* dan ketaatan kepadanya dituntut oleh Al-
Qur'an dan Sunnah selagi ia tidak melanggar batas-batas agama. Sebuah hadis Nabi bermaksud: “Walaupun seorang hamba yang cacat mukanya dijadikan pemerintah kamu, kamu hendaklah mendengarnya dan mentaatinya selagi ia memimpin kamu sesuai dengan Kitab Allah.”⁸

Bahagian kehakiman, yang dikenal dalam istilah agama sebagai *Qadā'*, juga tunduk kepada kedaulatan *de jure* Allāh, sesuai dengan Al-Qur'an 5:48 dan 5:50. Ketiga-tiga bahagian ini mestilah berjalan dengan bebas walaupun pemimpin negara, dalam zaman Nabi dan Khulafā' Rāshidūn mengetuai ketiga-tiga bahagian itu. Tetapi, mengikut Maudūdi,

Kita boleh mengubah aspek-aspek yang terperinci dalam penyusunan lama itu untuk menyesuaikan dengan keperluan-keperluan semasa . . . Kita boleh menimbang untuk mengurangkan kuasa-kuasa pentadbiran pemimpin negara untuk menjaga dari berlakunya kecenderungan-kecenderungan ala diktator. Kita boleh juga mengecualikan dia dari mendengar dan memutuskan secara khusus, supaya ia tidak berpeluang menyekat perjalanan keadilan.⁹

Mengenai tujuan di sebalik pembentukan negara Islam, Maududi menjelaskan bahawa tujuan utamanya ialah untuk menegakkan *Syari'ah*, termasuk keadilan (Al-Qur'an 57:25).

57:25, 4:58, 5:8), sembahyang, zakat dan *al-amr bi'l-ma'ruf wa'nahy an al-munkar* (Al-Qur'an 22:41). Negara juga perlu, kata Maududi, kerana menurut pentafsir Al-Qur'an yang masyhur, Ibnu Kathir, "Allah menegah melalui kuasa negara (*as-Sultān*) apa yang tidak dicegahNya melalui Al-Qur'an". Dalam konsep keadilan Islam, semua adalah sama di sisi undang-undang; tidak ada sesiapa, sekalipun pemimpin negara.

Dalam soal pembentukan kerajaan, masalah penting ialah perlantikan pemimpin negara. Dalam hal ini, Maududi mengatakan bahawa oleh kerana tidak ada satu cara tertentu yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an, *Sunnah* dan Khulafā' Rashidūn, maka cara perlantikan itu terserahlah kepada apa yang dianggap sesuai untuk sesuatu masa atau tempat. Batas-batas yang perlu diingat ialah tidak boleh dipaksa rakyat membuat perlantikan. Ia hendaklah benar-benar bebas dan tidak siapa yang mempunyai monopoli di atas jawatan itu.¹⁰ Begitu juga dalam soal pemilihan anggota Dewan Perwakilan (*Majlis Shūrā*, yang berfungsi sebagai *ahl'l-'aqd wa'l-hall*), Maududi berkata:

"... sesudah mengambil kira keadaan dan keperluan zaman moden, kita boleh menggunakan semua cara yang mungkin dan dibenarkan supaya kita dapat benar-benar mencari orang yang mendapat kepercayaan rakyat sepenuhnya. Pilihanraya cara moden adalah satu daripada cara yang dibenarkan, asalkan cara itu tidak dicemari oleh amalan-amalan yang korup yang menjadikan demokrasi moden satu kepalsuan semata-mata."¹¹

Mengenai pemimpin negara pula, ia mesti mempunyai sifat-sifat yang terpuji yang biasa diberikan oleh penulis-penulis zaman pertengahan. Dasar yang harus menjadi panduan ialah perisytiharan Sayyidina Abu Bakr ketika dilantik menjadi Khalifah:

"Bantulah saya bila saya berbuat baik, tetapi apabila saya berbuat salah, betulkanlah saya. Taatilah saya selagi saya mentaati Allah dan RasulNya. Tetapi jika saya mendurhakai Allah dan RasulNya, maka tidak ada seorang pun yang berkewajipan mentaati saya."¹²

Pemimpin juga tidak boleh dilantik daripada orang yang inginkan jawatan itu untuk kepentingan diri.

Hak-hak asasi warganegara pula dilindungi sepenuhnya oleh negara sama ada mereka itu Islam atau tidak. Pandangan Maududi dalam perkara ini tidak berbeza dengan pandangan ulamā' pada zaman dahulu dan pandangan 'ulama' Pakistan

yang dibentangkan sebelum ini. Pendekatan Maududi dalam semua hal ialah memberi keutamaan kepada Al-Qur'an, Sunnah dan amalan Khulafa' Rashidun dalam perkara-perkara prinsip, tetapi dalam soal-soal perincian beliau sedia menerima perubahan-perubahan untuk disesuaikan dengan keadaan dan keperluan zaman dan tempat. Beliau lebih mengutamakan isi (substance) daripada bentuk.

Dalam soal memberi nama kepada sistem politik negara Islam, Maududi bersama penulis-penulis lain seperti Dr. Said Ramadan (*Islamic Law: Its scope and Equity*) dan 'Abd ar-Rahman 'Azzam (*The Eternal Message of Muhammad*) menolak anggapan penulis-penulis Barat bahawa negara Islam ialah satu bentuk *theocracy* kerana konsep itu memberi pengertian bahawa di dalam negara terdapat satu golongan pendita (priesthood) yang memonopolikan kuasa politik atas nama Tuhan sebagaimana terjadi dalam sejarah Kristian. Maududi pernah mencadangkan nama *theo-democracy* untuk negara Islam, sementara Louis Gardet (seorang sarjana Kristian), menyebutnya sebagai *une theocratie laique et egalitaire*¹³ (sebuah *theocracy* yang bersifat samarata dan dipimpin oleh orang-orang biasa). Sarjana Arab Kristian, Majid Khadduri, pula mencadangkan nama *Nomocracy* kepada negara Islam kerana negara itu berteraskan kedaulatan hukum (*nomos* dalam bahasa Greek) dan pelaksanaan hukum Allah.

Pandangan Ayatullah Khomeini juga hampir sama dengan pandangan Maududi dalam hal-hal tertentu. Beliau mengatakan, antara lain:

"Negara Islam tidak ada persamaan dengan mana-mana sistem pemerintahan yang sedia ada. Negara Islam tidak bersifat *autocratic* dan tidak menjadikan ketuanya sebagai pemegang semua kuasa sehingga ia dapat bermain dengan nyawa dan harta benda rakyat. Negara Islam bebas dari segala bentuk despotisme . . . Negara Islam ialah negara berperlembagaan (constitutional State) dalam pengertian bahawa mereka yang ditugaskan mengendalikannya adalah terikat dengan peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an dan Sunnah. Hak membuat hukum ialah kepunyaan Allah. Tidak ada siapa di sini mempunyai atau boleh mempunyai kuasa yang tidak terbatas dalam membuat undang-undang, dan tidak ada siapa yang boleh membuat peraturan yang tidak disokong oleh peraturan Allah."¹⁴

Beliau dengan tegas mengatakan:

"Pemerintahan Islam ialah pemerintahan undang-undang. Di sini Allah saja yang mempunyai kuasa (authority) tertinggi . . . Kuasa yang dimi-

liki oleh Nabi yang diberkati atau oleh pemimpin-pemimpin yang betul sesudahnya ialah kuasa yang diberikan oleh Allah.”¹⁵

Pemimpin Islam menjauhi cara hidup yang mewah dan bermegah-megah dengan kebesaran. Tegas Khomeini, sistem Islam :

“ . . . bebas dari semua kemewahan yang menelan lebih separuh harta negara . . . Di sebalik kebanyakan kejahatan sosial hari ini ialah korupsi keluarga yang memerintah . . . Sekiranya istana raja tidak menghabiskan harta atau keluarga di raja tidak merampas harta nescaya belanjawan negeri tidak akan mengalami defisit dan melibatkan hutang dengan Inggeris dan Amerika dan kehinaan yang terlekat kepadanya.”¹⁶

Khomeini menyatakan bahawa para ‘ulama Shi’ah bersetuju bahawa pemimpin Islam mestilah seorang yang mempunyai sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji, alim dalam undang-undang Islam, adil dalam menjalankan undang-undang dan tidak takut kepada pembangkang bila melaksanakan perintah Allah. Bagi beliau,

“Sekiranya kita percaya bahawa peraturan-peraturan dan undang-undang yang menjadi dasar negara Islam itu mempunyai kesahan yang abadi dan bahawa Syari’ah tidak membenarkan keadaan kacau-bilau, maka adalah menjadi kewajipan kita untuk mendirikan sebuah kerajaan Islam . . .”¹⁷

Bagi Khomeini, adalah jelas bahawa pemerintahan Shah di Iran telah mengenepikan *Syari’ah* Allah. Seru beliau lagi “Oleh kerana itu, adalah menjadi tanggungjawab semua orang Islam di dunia, di mana saja mereka berada, untuk bangun menegakkan revolusi yang bersifat Islam.”¹⁸

Inilah kemuncak semangat jihad dalam dekad tujuh puluhan, bila seorang pemikir Islam menyeru dengan terang-terang supaya umat Islam melakukan revolusi terhadap pemerintahan yang zalim, sedangkan tendensi pemikiran politik Islam pada umumnya selalu ingin mengelakkan perlakunya revolusi melainkan keadaan negara memang sudah tidak dapat diperbaiki lagi dengan cara perubahan beransur, perundingan yang bebas dan lain-lain cara damai. Revolusi ialah alat reformasi sosial yang terakhir bila sudah tidak ada lagi jalan lain bagi orang Islam, dan keadaan di Iran di bawah pemerintahan *Shahanshah* (Raja Segala Raja) selama lebih dua puluh tahun mungkin sudah menjadi begitu buruk sehingga tidak ada lagi jalan demokrasi yang terbuka kepada orang beragama melainkan protes secara kekerasan.

NOTA

¹ "Basic Principles of an Islamic State," dalam *Concept of Islamic State* (London: Islamic Council of Europe, 1979), m.s. 8-10.

² Abd. ar-Rahman Azzam, *The Eternal Message of Muhammad*. (New York: Mentor Book, 1965), m.s. 105.

³ *Concept of Islamic State*, op. cit., m.s. 22.

⁴ Khurshid Ahmad, ed. *The Nature and Contents of Islamic Constitution* (Karachi: Pakistan Herald Press, tanpa tarikh).

⁵ *Ibid.*, m.s. 11-12.

⁶ "Fundamentals of an Islamic Constitution" dalam *Concept of Islamic State*, m.s. 20.

⁷ *The Nature and Contents of Islamic Constitution*, op. cit., m.s. 22.

⁸ *Ibid.*, m.s. 24.

⁹ *Ibid.*, m.s. 27.

¹⁰ *Ibid.*, m.s. 32-36.

¹¹ *Ibid.*, m.s. 41.

¹² *Ibid.*, m.s. 42.

¹³ Louis Gardet, *La Cite Musulmane: Vie Sociale et Politique* (Paris, 1954), m.s. 31.

¹⁴ Ayatullah Khomeini, "An Islamic State – Point of View" dalam *Concept of Islamic State*, op. cit., m.s. 5.

¹⁵ *Ibid.*, m.s. 5.

¹⁶ *Ibid.* m.s. 5.

¹⁷ *Ibid.* m.s. 6.

¹⁸ *Ibid.* m.s. 7.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad, Muhammad Aziz, *The Nature of Islamic Political Theory*. Karachi: Ma'aref Limited, 1975.
- Asad, Muhammad, *Asas Negara dan Pemerintahan di dalam Islam*. (tr. Drs. Muhammad Radjab), Djakarta: Bhratara, 1964.
- Azzām, Abd-al-Rahmān, *The Eternal Message of Muhammad*. New York: Mentor Book, 1965.
- Concept of Islamic State*, London: Islamic Council of Europe, 1979.
- Gibb, H.A.R., *Studies on the Civilization of Islam*, Boston: Beacon Press, 1962.
- Hakim, Khalifa Abdul, *Islamic Ideology*, Lahore: Institute of Islamic Culture, 1961.
- Kerr, Malcolm H., *Islamic Reform: The Political and Legal Theories of Muhammad Abduh and Rashid Rida*, Berkeley: University of California Press, 1966.
- Khan, Qamaruddin, *The Political Thought of Ibn Taymiyah*. Islamabad: Islamic Research Institute, 1973.
- Maudoodi, Abdul Ala, *The Nature and Contents of Islamic Constitution*, Karachi: Pakistan Herald Press, tanpa tarikh (1953?)
- Rosenthal, E.I.J. *Political Thought in Medieval Islam*. Cambridge: C.U.P.,
——— *Islam in the Modern National State*. Cambridge: C.U.P. 1965.
- Shalaby, Ahmad. *Dasar-dasar Pemerintahan Islam* (tr. Mukhtar Yahya) Singapura: Pustaka Nasional, 1967.
- Sherwani, Haroon Khan, *Islam Tentang Administrasi Negara* (tr. M. Arief Lubis). Djakarta: Tintamas, 1964.
- Zainal Abidin Ahmad, *Konsepsi Politik dan Ideologi Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1977.